

A large, semi-transparent watermark of the FSA logo is centered in the background. The logo consists of a circular emblem with a red and yellow border, containing the letters 'FSA' in a stylized font. Below the emblem are several concentric purple and blue arcs.

PERKHIDMATAN

'SMS & AMBIL'

PERKHIDMATAN SMS & AMBIL

1. PENGENALAN

Farmasi Klinik Pakar, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru bertanggungjawab membekalkan ubat-ubatan kepada pesakit-pesakit dari klinik-klinik pakar dan pesakit-pesakit yang dirujuk dari fasiliti Kementerian Kesihatan yang lain melalui Sistem pendispensan Ubatan Bersepadu (SPUB).

Memandangkan bilangan pesakit yang semakin bertambah, adalah wajar untuk mengurangkan masa menunggu pesakit terutamanya pada waktu puncak dengan melaksanakan sistem pembekalan ubat yang lebih efisien dan efektif. Oleh itu, perkhidmatan SMS & Ambil telah diwujudkan mulai 1 Januari 2008 demi kemudahan dan keselesaan pesakit.

Perkhidmatan 'SMS & Ambil' ini dibuka kepada semua pesakit ulangan sahaja yang mengambil bekalan ubat mereka di Farmasi Klinik Pakar, Hospital Sultanah Aminah. Pesakit yang berdaftar untuk perkhidmatan ini boleh mengambil bekalan ubat mereka tanpa menunggu lama di Farmasi melalui SMS atau telefon dengan memberi maklumat pesakit (nama penuh dan nombor kad pengenalan). Melalui perkhidmatan ini, bekalan ubat akan disediakan lebih awal sebelum pesakit datang ke Farmasi untuk mengambilnya.

Bagi memastikan perkhidmatan ini berjalan dengan lancar, pesakit-pesakit yang menggunakan perkhidmatan ini perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- ✚ Pesakit yang mengambil bekalan ubat ulangan
- ✚ Pesakit perlu berdaftar sebagai pengguna perkhidmatan 'SMS & Ambil' setiap kali mendapat preskripsi baru
- ✚ Pesakit perlu 'SMS' atau telefon selewat-lewatnya 2 hari sebelum tarikh ubat hendak diambil dan memberikan nama dan nombor kad pengenalan yang lengkap
- ✚ Pesakit mesti membawa preskripsi asal apabila mengambil ubat di Farmasi


2. OBJEKTIF

- ✚ Mengurangkan masa menunggu pesakit yang mengambil ubat ulangan di Farmasi Klinik Pakar
- ✚ Mengurangkan bilangan pesakit yang mengambil ubat ulangan pada waktu puncak


3. PELAKSANAAN PROJEK

Projek 'SMS & Ambil' ini telah dilaksanakan pada 1 Januari 2008 di Farmasi Klinik Pakar, Hospital Sultanah Aminah pada waktu pejabat.

CARTA ALIRAN BAGI PENDAFTARAN DAN PEMBEKALAN UBAT 'SMS & AMBIL'



CARTA ALIRAN BAGI PEMBEKALAN UBAT 'SMS & AMBIL'



Melalui perkhidmatan 'SMS & Ambil', pesakit tidak perlu menunggu lama kerana langkah mengambil nombor giliran, mengisi dan melabel ubat telah dilakukan sebelum pesakit datang ke farmasi

4. FAEDAH-FAEDAH PERKHIDMATAN 'SMS & AMBIL'

a. ASPEK PESAKIT

Mengurangkan masa menunggu

- ✚ Pesakit tidak perlu beratur mengambil nombor giliran
- ✚ Bekalan ubat ulangan boleh diperolehi tanpa menunggu lama

b. ASPEK ANGGOTA FARMASI KLINIK PAKAR

1. Meningkatkan produktiviti atau mutu kerja

- ✚ Waktu kerja terutamanya semasa waktu puncak dapat ditumpukan kepada pesakit dari klinik-klinik pakar dan sebagainya
- ✚ Bekerja dengan lebih efektif dan efisien
- ✚ Mengurangkan beban dan tekanan kerja pada waktu puncak (10pg – 2ptg)

2. Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan

5. STATUS TERKINI

Tahun 2008	Jumlah pesakit berdaftar untuk 'SMS & Ambil'	Jumlah pesakit menggunakan perkhidmatan 'SMS & Ambil'
Jan- Mac	103	38
Jan- Jun	199	98
Jan – Sept	297	278
Jan - Dis		

6. PERINGATAN KEPADA PESAKIT

Sila pastikan:

- ✚ Anda telah mendaftarkan diri sebagai pengguna 'SMS & Ambil'
- ✚ SMS atau panggilan telefon dibuat selewat-lewatnya 2 hari sebelum tarikh ubat hendak diambil
- ✚ Nama, No Kad Pengenalan dan tarikh preskripsi yang diberikan adalah tepat
- ✚ Anda membawa preskripsi asal apabila mengambil ubat di kaunter 3, Farmasi Klinik Pakar
- ✚ Bekalan ubat diambil pada tarikh yang dijanjikan. Sekiranya ubat tidak diambil pada hari yang dijanjikan, sila sms tarikh baru untuk mengambil ubat.

Waktu Pengambilan	Masa
Hari Bekerja Sahaja	7.30-9.30 pagi 4.00-6.00 petang

7. PERTANYAAN LANJUT

Sebarang masalah atau maklumat lanjut mengenai perkhidmatan ini, sila hubungi Pegawai Farmasi kami di:

No Telefon : 07-2257000 ext 2619

Email : farmasihsajb@moh.gov.my

Tarikh Kemas Kini Terakhir : 20 November 2008

Maklumat ini disediakan oleh : Jabatan Farmasi, Hosp Sultanah Aminah, JB